

MAHATHIR - KOMANWEL

(I)

KUALA LUMPUR, 23 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU NEGARA-NEGARA KOMANWEL SUPAYA MEMULAKAN SUKAN KOMANWEL YANG DIJADUALKAN BERMULA SABTU INI.

+IA AKAN KELIHATAN TIDAK BAIK SEKIRANYA RAKYAT BERANGGAPAN BAHAWA PERBEZAAN WARNA KULIT MEMPENGARUHI CORAK PEMIKIRAN MASYARAKAT KOMANWEL;+ KATANYA SEBAGAI MENJAWAB PERUTUSAN RAKAN SEJAWATANNYA ENCIK BRIAN MULRONEY KEPADA BELIAU.

ENCIK MULRONEY MENGHANTAR PERUTUSAN KEPADA SEMUA PEMIMPIN NEGARA KOMANWEL AGAR NEGARA MEREKA MENYERTAI SUKAN ITU .

JAWAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR DIHANTAR OLEH WISMA PUTRA MELALUI SURUHANJAYA TINGGI KANADA DI SINI SEMALAM.

BELIAU MEMBERITAHU RAKAN SEJAWATANNYA ITU BAHAWA KEPUTUSAN MALAYSIA MEMULAKAN SUKAN ITU DAN PESTA KESENIAN DIBUAT KERANA MEMANDANGKAN PENDIRIAN KERAJAAN PUAN THATCHER YANG ENGGAN MELAKSANAKAN SEKATAN EKONOMI TERHADAP AFRIKA SELATAN.-- LAGI
1927MST 23 07 86

U B969 BAH

MAHATHIR - KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

+PEMBOIKOTAN MALAYSIA ITU DIBUAT DALAM SEMANGAT PERPADUAN DENGAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL YANG LAIN. SETAKAT INI 30 NEGARA ANGGOTA KOMANWEL MEMULAU SUKAN ITU.+

BELIAU BERKATA WALAUPUN SEMUA NEGARA KOMANWEL JELAS MENUNJUKKAN HASRAT UNTUK MENGENAKAN SEKATAN ITU +SAYA TIDAK FAHAM MENGAPA HANYA BRITAIN YANG BERSIKAP DEMIKIAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK BERSETUJU DENGAN IDEA +GOLONGAN ORANG TERKEMUKA KOMANWEL (EPG) KERANA BELIAU TIDAK HADIR SEMASA KEPUTUSAN UNTUK MENGHANTAR KUMPULAN ITU DIBUAT.+

HASRAT UNTUK MENUBUHKAN EPG TELAH DIBINCANGKAN DENGAN HANGATNYA SEMASA BERSURAI HUJUNG MINGGU YANG TIDAK DIHADIRI OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR DAN KEPUTUSAN ITU MERUPAKAN SATU KEMENANGAN KEPADA PUAN THATCHER, YANG MENENTANG SEKATAN EKONOMI.

SEMASA PERSIDANGAN ITU PARA PEMIMPIN KOMANWEL TELAH MENGHUJAH BAHAWA SEKATAN EKONOMI DENGAN PENYERTAAN BRITISH SAHAJALAH SATU CARA UNTUK MEMBOLEHKAN AFRIKA SELATAN MENDAPATKAN PEMERINTAHAN MAJORITI.
-- LAGI.

2048MST 23 07 86

U B984 AAB

MAHATHIR KOMANWEL 3 KUALA LUMPUR

+PENDIRIAN SAYA SUDAH JELAS DALAM SURAT YANG DIHANTAR KEPADA SEMUA KETUA KERAJAAN DI BAHAMAS. SAYA TIDAK TERKEJUT DENGAN KEGAGALAN GOLONGAN ITU ATAU PERAKUAN-PERAKUAN YANG DIBUAT OLEH MEREKA;+ KATANYA.

LAPORAN EPG MENGENAI MISI SELAMA ENAM BULAN DI RANTAU AFRIKA SELATAN TERMASUK AFRIKA SELATAN AKAN DIBINCANGKAN OLEH TUJUH PEMIMPIN NEGARA KOMANWEL DI LONDON AWAL BULAN DEPAN.

KUMPULAN ITU YANG DIPENGERUSIKAN BERSAMA OLEH BEKAS PERDANA MENTERI AUSTRALIA MALCOLM FRASER DAN PRESIDEN NIGERIA OLUSEGUN OBASANJO YANG TELAH BERSARA DALAM LAPORAN SETEBAL 116 HALAMAN YANG DIKELUARKAN BULAN LEPAS TIDAK MENYENTUH SEPENUHNYA SEKATAN EKONOMI BERKENAAN DAN MENYERAHKANNYA KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

PARA PEMIMPIN KOMANWEL MEMBERI TEMPON ENAM BULAN KEPADA AFRIKA SELATAN SUPAYA MENGHENTIKAN DASAR APARTHEID ATAU SEDIA MENGHADAPI SEKATAN EKONOMI OLEH ANGGOTA-ANGGOTANYA. -- BERNAMA.

2128MST 23 07 86